

## MAHATHIR-CHINA

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGESYURKAN KEPADA CHINA SUPAYA MENGUBAH AMALANNYA MEMBERIKAN HAK AGENSI KEPADA ORANG TENGAH DI NEGARA KETIGA BAGI PENGIMPORAN BARANG-BARANGNYA KE MALAYSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERBADANAN-PERBADANAN PERDAGANGAN IMPORT DAN EKSPORT NEGARA REPABLIK ITU SEWAJARNYA MEMBERIKAN HAK-HAK INI KEPADA PERNAS ATAU PENGIMPOR MALAYSIA.

PERTIMBANGAN HENDAKLAH JUGA DIBERI BAGI MENENTUKAN PENGIMPOR MALAYSIA YANG MEMEGANG HAK AGENSI DIBERIKAN BEKALAN BARANG YANG CUKUP AGAR MEREKA TIDAK PERLU BERGANTUNG KEPADA ORANG TENGAH DI NEGARA KETIGA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN DI SINI MERAIKAN MENTERI PERDAGANGAN LUAR CHINA YANG SEDANG MELAWAT MALAYSIA, ENCIK LI CHIANG.

—BERSAMBUNG HM 2333

££

B629

MAHATHIR-CHINA 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN BAGI MERAPATKAN JURANG ANTARA KEDUA NEGARA, URUSNIAGA SECARA LANGSUNG BAGI SEMUA BARANGAN HENDAKLAH DIKENDALIKAN, SECEPT MUNGKIN, DAN TIDAK MEMBIARKANNYA KEPADA PERATURAN EKSPORT BIASA.

BELIAU MENYATAKAN WALAUPUN IMPORT SECARA LANGSUNG DARI CHINA SEKARANG MERUPAKAN JUMLAH BESAR DARI KADAR IMPORT MALAYSIA KESELURUHANNYA DARI CHINA, IMPORT SECARA TIDAK LANGSUNG MENERUSI NEGARA KETIGA MASIH AGAK BESAR DARI SEGI NILAI.

MISALNYA, IMPORT BARANG-BARANG CHINA MENERUSI NEGARA KETIGA DALAM 1978 BERJUMLAH HINGGA \$46.98 JUTA BERBANDING DENGAN HANYA \$17.13 JUTA TAHUN 1973.

TAMBAHAN YANG BESAR INI ADALAH AKIBAT AMALAN SEKARANG OLEH PERBADANAN PERDAGANGAN IMPORT DAN EKSPORT NEGARA CHINA YANG MANA HAK AGENSI BAGI KELUARAN TERTENTU DIAMANAHAK KEPADA PEDAGANGAN TRADISI DI HONGKONG DAN SINGAPURA.

YANG DEMIKIAN BAGI BARANG-BARANG TERTENTU, PENGIMPOR MALAYSIA SECARA TIDAK LANGSUNG TERPAKSA MENGIMPOR MENERUSI ORANG TENGAH DI NEGARA KETIGA.

—BERSAMBUNG HM 2347

MAHATHIR-CHINA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERNAS YANG DIKTIRAF SEBAGAI RAKAN SETARAF OLEH MAJLIS CHINA BAGI PENGGALAKAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA UNTUK MENINGKATKAN PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG ANTARA CHINA DENGAN MALAYSIA JUGA TIDAK BOLEH MENDAPATKAN HAK AGENSI TERSEBUT YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA ORANG TENGAH DI NEGARA KETIGA.

'DASAR INI TELAH TIDAK MENGGALAKKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA NEGARA KITA,' TEGASNYA.

KATANYA, ORANG TENGAH DI NEGARA KETIGA BIASANYA MEMANIPULASI HARGA BARANG-BARANG CHINA HINGGA MERUMITKAN PENGGUNA MALAYSIA.

MISALNYA, BARU-BARU INI BILA MALAYSIA MENGURANGKAN DUTI IMPORT KE ATAS BUAH-BUAHAN SEGAR, ORANG TENGAH INI MENAIKKAN HARGA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN IMPORT DARI CHINA TELAH BERTAMBAH DARI \$228.51 JUTA DALAM 1970 KEPADA \$341.3 JUTA DALAM 1976 DAN KEPADA ANGGARAN \$500 JUTA TAHUN LALU MENGGAMBARAKAN KURANGAN BERTU BESAR DIALAMI MALAYSIA. — BERSAMBUNG 0007/YF

MAHATHIR-CHINA 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYATAKAN KETIDAKSEIMBANGAN INI ADALAH AKIBAT HAL BAHAWA IMPORT BARANG BUATAN CHINA KE MALAYSIA ADALAH BEGITU BESAR KE BANDING DENGAN ESPORT BARANGAN UTAMA YANG KECIL DARI MALAYSIA KE REPABLIK ITU. TERUTAMANYA GETAH ASLI DAN JUMLAH KECIL KAYU. PERDAGANGAN ANTARA CHINA DAN MALAYSIA DALAM 1976 BERJUMLAH LEBIH SEDIKIT \$450 JUTA DAN IANYA MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA \$640 JUTA TAHUN BERIKUTNYA.

'ANGKA--ANGKA AWAL BAGI TAHUN LALU MENUNJUKKAN PERDAGANGAN TERSEBUT AKAN MENINGKAT LEBIH BESAR DARI 1977 MEMANDANGKAN IANYA TELAH PUN MENINGKAT KEPADA HAMPPIR \$500 JUTA DALAM MASA SEM-ILAN BULAN PERTAMA,' KATANYA. -- BERSAMBUNG DDD8/YF

cc

B533

MAHATHIR-CHINA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN MINAT MALAYSIA UNTUK MENYERTAI RANCANGAN CHINA MEMODENKAN EKONOMINYA.

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG PESAT DI NEGARA INI, PERUSAHAAN MALAYSIA MAMPU MEMENDHI SETENGAH KEPERLUAN IMPORT CHINA.

DALAM UCAPAN BALAS, ENCIK LI CHIANG BERKATA PERSAHABATAN ANTARA MALAYSIA DENGAN CHINA TELAH BERKEMBANG SEJAK PENUBUHAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DALAM 1974.

PERHUBUNGAN DAGANGAN ANTARA KEDUA NEGARA TELAH JUGA MENINGKAT BEGITU BESAR DALAM MASA BEBERAPA TAHUN INI, KATANYA.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAU -DEEN, MENTERI PERUSAHAAN AWAM ENCIK ABDUL MAKAN OTHMAN, TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK LEW SIP HON, DAN DUTA BESAR CHINA DI SINI ENCIK YEH CHENG CHANG. -- BERNAMA 0012